


Bil. 19

Rabu
19 Jun 2019



MALAYSIA

LAPORAN PROSIDING

MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)

Mengenai:

Pembangunan Projek *Air Mobility*

**Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan
Industri (MITI):**

- (i) YBhg Dato' Lokman Hakim Ali, Ketua Setiausaha

**PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGKAL KEDUA**

**MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
BILIK MESYUARAT JAWATANKUASA 1, TINGKAT 2 BLOK UTAMA
BANGUNAN PARLIMEN, PARLIMEN MALAYSIA
RABU, 19 JUN 2019**

AHLI-AHLI JAWATANKUASA

Hadir

YB. Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong] - *Pengerusi*
YB. Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur] - *Timbalan Pengerusi*
YB. Tuan Wong Chen [Subang]
YB. Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh]
YB. Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebrau]
YB. Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat]
YB. Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]
YB. Puan Wong Shu Qi [Kluang]
YB. Tuan Muslimin bin Yahaya [Sungai Besar]
YB. Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]

Tidak Hadir [Dengan Maaf]

YB. Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]
YB. Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]
YB. Tuan Robert Lawson Chuat [Betong]
YBhg. Datuk Roosme binti Hamzah - *Setiausaha*

URUS SETIA

Encik Ahmad Johan bin Mohd Affandi [Ketua Sekretariat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]
Encik Rosli bin Aw Ahmad [Juruaudit Pejabat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]
Cik Nurul Adila binti Hamdan [Jurubahasa Serentak (Jurubahasa dan Terjemahan, Pengurusan Dewan Rakyat), Parlimen Malaysia]

HADIR BERSAMA

Jabatan Audit Negara

Puan Yusnani binti Zakaria [Pengarah Audit (Bahagian Audit Prestasi III)]
Puan Hafiza binti Yaakub [Timbalan Pengarah Audit (Bahagian Audit Prestasi III)]

Jabatan Peguam Negara

YBhg. Datuk Amirudin Abd Rahman [Timbalan Ketua Bahagian Penasihat]
Encik Mohd Farid Huzaimi bin Mohd Baderudin [Peguam Persekutuan]

HADIR BERSAMA (samb/-)

samb/-

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)

Puan Fadzillah binti Shamsuddin [Timbalan Pengarah (Awam) (Pemeriksaan dan Perundangan)]

Kementerian Kewangan (MOF)

Y.Bhg. Dato' Mohd Zafir bin Ibrahim [Timbalan Setiausaha Bahagian (Strategi Korporat dan Komunikasi)]

Puan Azreen binti Awang [Ketua Penolong Setiausaha Kawalan Pemantauan]

Encik Mohammad Adam Danial bin Hafiz Goh [Penolong Setiausaha Kawalan Pemantauan]

Jabatan Akauntan Negara

Y.Bhg. Dato' Haji Ramli bin Chik [Pengarah (Perkhidmatan Operasi Pusat dan Agensi)]

Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA)

Y.Bhg. Dato' V. Valluvan a/l Veloo [Pengarah (Industri Pembuatan, Sains dan Teknologi)]

Encik Ahmad Salwadi bin Salleh [Ketua Penolong Pengarah (Infrastruktur)]

Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)

Encik Aznirul Fariz bin Alwi [Ketua Penolong Pengarah (Perkhidmatan)]

SAKSI**Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI)**

Y.Bhg. Dato' Sri Norazman bin Ayob [Timbalan Ketua Setiausaha (Perdagangan)]

Y.Bhg. Dato' Syed Mohamed Koyakutty [Pengarah Kanan Dasar Sektoral]

Encik Wan Ahmad Iskandar bin Wan Adnan [Ketua Penolong Pengarah Dasar Sektoral]

Encik Md Zakuan Arief Alias [Ketua Penolong Pengarah Dasar Sektoral]

Institut Automatif Robotik dan IoT Malaysia (MARii)

Encik Azhar bin Taib [Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif]

Cik Fateha binti Aziz [Pengurus (Pembangunan Strategi dan Polisi)]

LAPORAN PROSIDING

MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA PARLIMEN KEEMPAT BELAS, PENGGAL KEDUA

Rabu, 16 Jun 2019

Bilik Jawatankuasa 1, Tingkat 2 Blok Utama, Parlimen Malaysia, Kuala Lumpur

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.32 pagi

*[Yang Berhormat Dato' Dr. Noraini Ahmad **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Tuan Pengerusi: *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, selamat pagi, salam sejahtera kepada semua, terutamanya kepada Yang Berhormat Ahli-ahli PAC Parlimen dan saya juga hendak mengucapkan selamat datang kembali kepada ex-officio PAC Parlimen yang terdiri – Yang Berbahagia Dato', di belakang kita ini ada dari Kementerian Kewangan, Kementerian Hal Ehwal Ekonomi, Jabatan Perkhidmatan Awam, Jabatan Peguam Negara, SPRM dan Jabatan Akauntan Negara. Sebelum saya memulakan dengan lebih panjang lagi, saya hendak mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri, Maaf Zahir Batin kepada semua di dalam bilik ini. Sebenarnya hari ini adalah hari lahir, hari ulang tahun kelahiran Yang Berhormat Naib saya, tetapi dia masih lagi dalam perjalanan.

Jadi Yang Berhormat ahli-ahli mesyuarat sekalian, pagi ini sebenarnya PAC akan adakan dua mesyuarat prosiding. Kedua-duanya adalah membabitkan pembangunan projek *air mobility* yang membabitkan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) dan juga Kumpulan Industri Kerajaan Bagi Teknologi Tinggi (MIGHT), sebuah agensi di bawah pengawasan Jabatan Perdana Menteri. Akan tetapi, kita mulakan mesyuarat prosiding berhubung perkara ini dengan MITI dahulu. Kemudian, kita akan berhenti sebelum kita buat prosiding dengan JPM iaitu dengan MIGHT. Semua Yang Berhormat dan yang berada dalam bilik ini, yang hadir di hadapan PAC pada hari ini adalah Yang Berbahagia Dato' Sri Norazman bin Ayob iaitu Timbalan Ketua Setiausaha (Perdagangan) MITI bersama dengan Yang Berbahagia Dato' Syed Mohamed Koyakutty iaitu Pengarah Kanan Dasar Sektor MITI, berserta dengan Encik Encik Azhar bin Taib selaku Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Institut Automatif Robotik dan IoT (MARii), sebuah agensi di bawah MITI.

Yang Berhormat ahli mesyuarat sekalian, saya hendak merekodkan dalam Hansard prosiding pada hari ini berhubung kekesalan saya di atas ketidakhadiran Yang Berbahagia Dato' Lokman Hakim bin Ali selaku KSU ataupun Ketua Setiausaha MITI di hadapan PAC Parlimen

pada hari ini. Saya memandang serius ketidakhadiran KSU di hadapan jawatankuasa ini kerana dia langsung tidak menghormati PAC Parlimen sebagai satu jawatankuasa di bawah Dewan Rakyat. Ingin saya tegaskan bahawa KSU yang juga pegawai pengawal sesebuah kementerian bertanggungjawab terhadap PAC. Ini memang dinyatakan dengan jelas dalam Pekeliling Am Bilangan 2 Tahun 1982 di bawah Perkara 10(b) yang menyebut KSU adalah juga bertanggungjawab kepada Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara. Malah, dalam Perkara 12 Arahan Perbendaharaan jelas menyatakan bahawa mana-mana pegawai pengawal boleh dipanggil ke hadapan Jawatankuasa Akaun Awam yang ditubuhkan oleh badan perundangan negara.

Yang Berbahagia Datuk Roosme binti Hamzah, Setiausaha Dewan Rakyat juga adalah Setiausaha PAC Parlimen telah menandatangani surat panggilan mesyuarat prosiding ini pada 23 Mei 2019, hampir sebulan yang lalu. Ia jelas mengikuti Peraturan 9 di bawah Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat yang mengehendaki surat sekurang-kurangnya 10 hari sebelum prosiding berlangsung. Walau bagaimanapun, PAC Parlimen langsung tidak dimaklumkan secara rasmi ketidakhadiran KSU dalam prosiding ini melalui surat rasmi sama ada kepada saya selaku pengerusi ataupun kepada Yang Berbahagia Datuk Roosme binti Hamzah selaku setiausaha jawatankuasa ini. Saya berharap perkara ini tidak berulang lagi daripada MITI.

Jadi Yang Berhormat ahli-ahli mesyuarat sekalian, PAC secara latar belakang, PAC Parlimen memulakan prosiding berhubung pembangunan projek *air mobility* ini pada 14 Mei yang lepas dengan memanggil Yang Berhormat Datuk Seri Mohd Redzuan bin Md. Yusof, Menteri Pembangunan Usahawan yang hadir bersama dengan Yang Berbahagia Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi selaku KSU Kementerian Pembangunan Usahawan. Dalam prosiding tersebut, PAC Parlimen dimaklumkan bahawa projek pembangunan *air mobility* ini masih di peringkat cadangan dan belum mengambil kira pandangan daripada mana-mana kementerian. Jadi, jawatankuasa juga dimaklumkan bahawa MITI kini dalam proses menyemak Dasar Automatif Nasional (NAP) yang dijangka diumumkan pada tahun ini berdasarkan laporan media massa.

Selain itu, JPM melalui MIGHT juga mempunyai *new national car programme* seperti yang dimaklumkan sendiri oleh Menteri dalam prosidingnya kepada PAC Parlimen. Jadi Yang Berhormat ahli-ahli mesyuarat sekalian, selepas mendengar penjelasan daripada Menteri Pembangunan Usahawan (MED), PAC Parlimen membuat keputusan untuk jawatankuasa ini turut mendengar penjelasan daripada MITI dan juga MIGHT berhubung program yang sedang dibangunkan ketika ini dan sama ada terdapat rancangan ataupun pelan mengenai projek *air mobility* ini di dalam NAP atau NNCP.

Jadi tanpa kita buang masa, kita teruskan mesyuarat prosiding ini. Dengan itu, saya hendak menjemput Yang Berbahagia Dato' Sri Norazman bin Ayob memberikan kepada Jawatankuasa PAC taklimat. Selepas sahaja Yang Berbahagia Dato' memberikan taklimat, kita akan buka untuk sesi soal jawab kepada Yang Berhormat Ahli-ahli PAC Parlimen. Jadi, saya mempersilakan Yang Berbahagia Dato' untuk memulakan taklimat Yang Berbahagia Dato'. Terima kasih.

Dato' Sri Norazman bin Ayob [Timbalan Ketua Setiausaha (Perdagangan), Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera, selamat pagi kepada Tuan Pengerusi, Naib Pengerusi, Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain. Pertama sekali saya ingin menyampaikan ucapan salam daripada Yang Berbahagia Dato' Lokman Hakim bin Ali, KSU saya dan juga permohonan maaf daripada beliau. Seperti yang Tuan Pengerusi telah memaklumkan bahawa memang KSU kami dan juga kami di sini memandang serius terhadap prosiding yang dijalankan oleh PAC. Mungkin berlaku kekeliruan di sini di mana saya difahamkan bahawa KSU saya telah meminta pegawai kami di bahagian pentadbiran untuk memaklumkan kepada Yang Berbahagia Datuk Roosme secara rasmi mengenai ketidakhadiran beliau kerana beliau mengikuti program di negara China. Saya difahamkan adalah amat sukar beliau untuk menolak program itu kerana ada kaitan dengan *our trade and investment* punya perkara. Walau bagaimanapun, *that should not be an excuse or a reason* dan beliau memohon maaf.

Mungkin elok saya memperjelaskan di sini bahawa dari segi *air mobility* ini sebenarnya, MITI adalah tidak terlibat secara langsung. Ini kerana pihak MED tidak pernah *consult* MITI dalam perkara ini. Saya pun semalam telah mendapat sedikit taklimat dari pegawai kami di sini yang terlibat secara langsung dalam penggubalan Dasar Automatif Nasional. Untuk makluman Yang Berhormat, dalam Dasar Automatif Nasional, salah satu perkara ataupun salah satu elemen yang terdapat dalam Dasar Automatif Nasional adalah berkaitan dengan *service as a mobility* termasuk *air mobility*.

■1040

Selain daripada perkara itu Dasar Automatif Nasional juga menerapkan elemen-elemen seperti *next generation vehicle* dan juga *Industry 4.0*. Selain daripada NAP *of course* pihak MITI juga terlibat dari segi perancangan untuk *the third national car*, di mana perkara itu adalah diterajui oleh MIGHT dan MITI merupakan ahli kepada jawatankuasa yang diterajui oleh MIGHT. Jadi berkenaan dengan *air mobility* ini sebenarnya kami pun tertanya-tanya juga sebenarnya dari segi peranan ataupun penglibatan MITI dalam mesyuarat jawatankuasa pagi ini sebab memang MITI tidak terlibat secara langsunglah. *So, we wouldn't know the details* dan sebagainya. Apa yang

hanya kami tahu adalah melalui laporan-laporan di akhbar dan sebagainya. Itu sahaja daripada pihak kami Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi: Okey, terima kasih, terima kasih Dato' Sri. Selepas— sebelum kita habis, *I mean our last proceeding, we had the Minister right in front of us during that point of time and we— when he said— during the conversation and the discussion, he did say that he's going to consult the ministry involved because we did ask what's the difference between* apa yang dia ada dengan apa yang ada di bawah kementerian MITI dan juga apa yang ada dengan MIGHT.

Jadinya saya hendak bertanya kepada pihak Dato' Sri, sama ada terdapat atau tidak *discussion* yang dibuat antara mungkin pegawai punya *level* antara kementerian, Datuk Seri Mohd Redzuan dengan MITI.

Dato' Sri Norazman bin Ayob: Okey, Tuan Pengerusi dari segi di peringkat Menteri, Menteri kami ada memaklumkan bahawa apabila idea itu dicetuskan oleh MED, perkara ini ada memang dibangkitkan di Kabinet. *As far as our ministry is concerned* dan berdasarkan kepada apa yang dilaporkan oleh Menteri kami, setakat itu adalah setakat di peringkat situ sahaja dari segi penglibatan MITI *at least where our Minister is involved at the Cabinet level*.

Dari segi pegawai saya telah mendapat penjelasan daripada pegawai saya semalam, MED memang tidak orang kata berunding ataupun mendapatkan pandangan daripada pihak MITI lah. *Perhaps* Timbalan CEO MARii boleh memberikan pengesahan. Terima kasih.

Encik Azhar bin Taib [Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif, Institut Automatif Robotik dan IoT Malaysia]: *Assalamualaikum* Tuan Pengerusi. Saya Azhar, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif daripada pihak *Malaysia Automotive Robotics and IoT Institute, a government agency* di bawah MITI. Sepanjang berlangsungnya semenjak daripada tahun lepas tiada *communication* ataupun perhubungan di antara MIGHT dengan MED, tiada. *Even* pihak MARii ingin membantu dalam *third national car* tetapi tidak dapat, ditolak. Itu sahaja.

Tuan Pengerusi: Ditolak kah ataupun tidak ada— Siapa yang tolak?

Encik Azhar bin Taib: Tiada respons.

Tuan Pengerusi: Tiada respons...

Encik Azhar bin Taib: Tiada respons.

Tuan Pengerusi: ...Tetapi tidak ada bertulis.

Encik Azhar bin Taib: Ya.

Tuan Pengerusi: *You know why we called for this procedure* ataupun prosiding ini, sebab kita— *because one of—* kita juga boleh memanggil kalau sekiranya *it is a public concern*. Apabila Yang Berhormat Menteri menyatakan mengenai *the development of* dipanggil kereta terbang, *it is a concern of the public* dan kita tidak hendak perkara seperti ini— PAC lah, PAC *when I say*

kita as PAC, *we don't want* perkara seperti ini boleh mengundang persepsi negatif daripada rakyat dalam dan luar negara.

Oleh sebab itulah kita mulakan prosiding *on this because we want to know what's going on, at least we can help in assisting the ministry or we can explain to people at large*. Jadinya bila Yang Berhormat nyatakan— Yang Berhormat Menteri tempoh hari menyatakan mengenai dia akan berhubung balik pada saya. Saya hendak bertanya pada pihak Yang Berbahagia Dato' Sri dan semua yang hadir daripada MITI, bila jawapannya juga tiada, apa susulan selepas itu sebab *things are needed to be done because* selama ini kita dimaklumkan bahawa *development* segala-galanya di bawah MITI, *especially when it comes to automotive* dan ini adalah kereta yang kereta yang boleh terbanglah, *word-nya*.

Can I say that? [Ketawa] Can I say that kereta yang boleh terbang? It is still a kereta, you know.

Tuan Wong Chen [Subang]: *Chairman, can I ask a question? Okay. To Dato' Sri and also Encik Azhar, so let's put on record. Not a single official communication, written communication to your department from the Ministry of Entrepreneur Development? Is that right?*

Encik Azhar bin Taib: *Ya, not at all.*

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh]: *A follow up question. Because just now Tuan Pengerusi ya, Encik Azhar sebut bahawa berkait dengan development of the third national car. Jadi maksudnya pembangunan kereta nasional ketiga ini di bawah MITI, specifically MIGHT.*

Dato' Sri Norazman bin Ayob: *MIGHT, not under MITI but under MIGHT.*

Puan Nurul Izzah binti Anwar: *Sure, tetapi agensi bawah kementerian MITI lah?*

Dato' Sri Norazman bin Ayob: *Bukan.*

Puan Nurul Izzah binti Anwar: *Oh, no.*

Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]: *No, MIGHT under JPM.*

Puan Nurul Izzah binti Anwar: *Okey, under JPM. But that is communicated under to you as well?*

Dato' Sri Norazman bin Ayob: *Yes.*

Puan Nurul Izzah binti Anwar: *Sorry, then just a follow up and then later you can explain. Maksudnya Encik Azhar sebut tawaran untuk memberikan macam pandangan, kepakaran itu kepada siapa? Is it MED ataupun JPM berkait dengan pembangunan kereta nasional ketiga? I just want to make sure we are quite clear because there are three ministries here and we don't want— we have to be cleared which one is not talking to whom.*

Encik Azhar bin Taib: Terima kasih Yang Berhormat. Berkaitan dengan untuk *third national car*, pihak MARii tiada kaitan langsung dengan *third national car*.

Puan Nurul Izzah binti Anwar: Oh, tetapi— okey.

Encik Azhar bin Taib: Itu sahaja.

Puan Nurul Izzah binti Anwar: *So, I have to—* maksudnya dengan *third national car* pun tidak ada kaitan, dengan *air mobility*...

Encik Azhar bin Taib: *Air Mobility* pun tiada.

Puan Nurul Izzah binti Anwar: ...*Car* terbang pun tidak ada kaitan?

Encik Azhar bin Taib: Tidak ada.

Puan Nurul Izzah binti Anwar: Okey.

Tuan Wong Kah Woh: *How's about MITI?* MITI adakan?

Dato' Sri Norazman bin Ayob: *Yes. So, allow me to clarify. Let's go on the third national car dulu, okey. So, the third national car* dia ada diterajui oleh MIGHT *and in that committee, there are a few other ministries, MITI as one of it, MOF, MEA.*

Tuan Pengerusi: *Sorry, Dato' Sri. Kementerian Pembangunan Usahawan ada dalam itu?*

Dato' Sri Norazman bin Ayob: Ada tidak *third national car— is MED is part of it?* Ada? Ada dalam itu ya.

Tuan Pengerusi: Ada, okey.

Dato' Sri Norazman bin Ayob: Okey, MED pun ada, okey. *So, on third national car, kita MITI sebab kita juga merangka Dasar Automotif Nasional, jadi peranan kita adalah untuk dari segi policy side, what do you feel about the third national car. Akan tetapi dari segi rundingan semua diterajui oleh MIGHT and also there is one company that is called as DreamEDGE, saya difahamkan ya. There is one... [Disampuk] DreamEDGE, DreamEDGE Sdn. Bhd. ya. So, the negotiation is led by MIGHT, DreamEDGE dengan whichever party itulah yang which I understand now is Honda Motor ya, have been approached.*

Tuan Wong Kah Woh: *What is the role of DreamEDGE?*

Dato' Sri Norazman bin Ayob: *DreamEDGE, it is a designing company, they are into designing one. So, their role is mainly on design of automotive dan sebagainya. But as to how they are roped in, in the involvement too, I think that one perhaps MIGHT would be in a better position to answer-lah because we just— I mean a member of the committee. So, that as far as the third national car is concerned.*

Now, coming back at on air mobility, of course dari segi MITI we would very much like to support, if at all that is the suggestion. Ini memandangkan bahawa MITI, kita juga mengambil maklumat mengenai perkembangan what we call as air taxi contohnya. Sebagai contoh saya

berikan di *Singapore for example, Singapore Economic Development Board (EDB) pada tahun 2017 telah orang kata approached one company which is called Volocopter in Germany.*

Tuan Pengerusi: Apa nama *company* itu?

Dato' Sri Norazman bin Ayob: Volocopter. *V.O.L.O.C.O.P.T.E.R, Volocopter ya, Volocopter in Germany. It's a start-up company, about hundred plus employees. Akan tetapi Volocopter ini telah orang kata mereka bentuk dan menghasilkan satu kereta yang boleh terbanglah, air taxi. We call it air taxi. Saya difahamkan melalui wakil MITI yang berada di Singapore bahawa pada bulan Oktober tahun ini, pihak Kerajaan Singapore dengan Volocopter ini akan melancarkan their first commercial flight test in Marina, in Marina Bay lah. That's one thing.*

Number two, di Singapura juga terdapat sebuah syarikat bernama NEO Aeronautics yang juga telah menghasilkan kereta yang boleh naik di udara. I think they can fly at a minimum height of 15 metres with a maximum speed of about 100 kilometres per hour. Difahamkan bahawa syarikat tersebut sedang dalam proses mendapatkan kelulusan daripada US Federal Aviation Authorities untuk dipasarkan di Amerika Syarikat bermula tahun 2021.

■1050

So, berdasarkan kepada perkembangan ini yang berada di luar negara, pihak kami memikirkan bahawa *there is, perhaps, a role for us to play, if at all, the government wants to develop this as an industry. So, that is where we are coming from but as my colleague has mentioned we offered but there are no takers so, ya, that's it.*

Tuan Wong Kah Woh: Tuan Pengerusi, okey, okey. Terima kasih Dato' Sri. Dato' Sri, sekiranya saya merujuk kepada satu *Tweet* oleh Yang Berhormat Rembau, Khairy Jamaluddin pada 26 Mac, yang mana beliau telah memuat naik dua gambar, satu dokumen yang bertajuk '*Review of National Automotive Policy (NAP)*' dan salah satu *content* yang telah pun ditunjukkan adalah *standard and specification, established standard for NXGV, EEV, EEV for commercial vehicle, EV, AACV test back* dan yang paling akhir, *flying vehicle. What is your explanation on that? Because it comes that this National Automotive Policy comes in almost at the same time where MED has come up with the idea of flying cars. I think that has caused a lot of hoo-ha within the community and within the rakyat. So, perhaps you can explain to PAC about why is the— under MITI, yes. Why is the flying vehicle specification, I mean it is being mentioned in your NAP. Thank you.*

Dato' Sri Norazman bin Ayob: *Thank you Yang Berhormat. Before Yang Berhormat came in, just now I did explain to Yang Berhormat Tuan Pengerusi and the rest of the YBs that the element of mobility as a service is part and parcel of the new National Automotive Policy. That*

is why we include as well the so-called flying car for lack of a better term. Other countries, they use 'air taxi', so in our case we just put as flying car, that is one. So, for us and that is why I mentioned just now that we do actually see ourselves, MITI, as having a role to play as far as development of the car industry as a whole, even including the flying car, subsector for example, number one.

Number two, in fact that document when it came out, it was tweeted by Yang Berhormat Rembau, our Deputy Minister, Timbalan Menteri, Dr. Ong Kian Ming telah bertanyakan kepada pegawai-pegawai kami yang terlibat tentang bagaimanakah dokumen tersebut boleh didedahkan. Berdasarkan kepada pegawai kami yang terlibat, *that document was actually used in a workshop that we had with our stakeholders in brainstorming about the ideas with regards to the National Automotive Policy*. Ia bukanlah satu dokumen untuk tujuan tatapan umum. *It is still very much confidential, as far as we are concerned. So, it is not to say it is ready fixed but it is one of those ideas that we were toying about during the brainstorming session. Thank you Yang Berhormat.*

Tuan Wong Chen: *Chairman, can I? Ya, so Dato' Sri, if this is something you were toying around with, is the concept of flying car in the National Automotive Policy now? Is it part of it? If it is, then what are the specifications involved and what kind of MITI tax break? What incentives are you giving to this concept of flying car?*

Dato' Sri Norazman bin Ayob: *Okey Yang Berhormat, allow me to give opportunity to my technical officer who is involved, thank you.*

Encik Wan Ahmad Iskandar bin Wan Adnan [Ketua Penolong Pengarah Dasar Sektor, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri]: *Thank you members of PAC. Saya Iskandar daripada Bahagian Dasar Sektor. Berhubung tentang dalam draf yang kita, kami cadangkan lah untuk NAP kajian semula NAP ini memang ada menyebut tentang kereta terbang (flying vehicle), term-nya kami masih belum tetapkan.*

Tuan Pengerusi: *Akan tetapi sebelum itu, saya hendak tanya juga sebelum teruskan your hujahan. Adakah yang ini dapat selepas Yang Berhormat Menteri Usahawan keluarkan the idea of ataupun mentioned fasal kereta terbang itu ataupun sebelum daripada beliau membuat statement mengenai kereta terbang?*

Encik Wan Ahmad Iskandar bin Wan Adnan: *Perkara tersebut saya tidak pasti siapa yang datang dahulu atau tidak datang dahulu because kami dari segi kereta terbang itu, saya tidak tahu idea itu daripada mana MED dapat tetapi from NAP punya side, daripada segi kereta terbang itu kita mentioned bukan actually for the development of the project because kita cakap tentang teknologi baharu dalam automotif dan mobiliti, ia boleh jadi dron, ia boleh jadi kereta autonomous, ia boleh jadi kereta terbang. So, apa yang kita cakap... [Disampuk]*

Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat]: Minta maaf, *at least* bila you *start the paper*, bengkel dan itu?

Encik Wan Ahmad Iskandar bin Wan Adnan: Draf itu kami *start* daripada Januari *actually*. Tahun 2019, *this year*. So, sebelum itu pun kami sudah mula, *the review was actually since February*, *activity review* itu berlangsung daripada Februari 2018 lagi. Ia macam, *it is always a continuous engagement*, ia tidak tetap dalam dasar itu, hanya macam konsep sahaja. So... [Disampuk]

Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus: *Sorry, it started in February 2018, what happened? Apa yang you plan?*

Encik Wan Ahmad Iskandar bin Wan Adnan: Kami sudah mula kajian semula, aktiviti kajian semula NAP itu dimulakan sejak Februari 2018 lagi.

Puan Nurul Izzah binti Anwar: Boleh saya hendak rujuk juga *as a follow-up question*. Saya nampak jawapan daripada Timbalan. Ini laporan media *Basis Reserve*, jawapan Timbalan Menteri di MITI, Dr. Ong Kian Ming mengatakan tidak ada rancangan untuk membina kereta terbang, hanya *the ministry will address the need for standards and regulations to prepare the industry in the event of the new technology*. So, ini memang *on record that is the position*. *Just to make it clear*. Okey, baik.

Tuan Pengerusi: So, idea ini datang selepas daripada Yang Berhormat Menteri keluarkan idea *of the air mobility* ataupun dia panggil sebagai kereta terbang. Cuma saya hendak tanya pada pihak kementerian MITI, adakah MITI duduk dalam jawatankuasa majlis? Majlis Perundangan Negara kah? Bukan, *remember during proceeding* dengan Yang Berhormat *Minister, he did mention that* dia keluarkan idea ini dalam satu jawatankuasa yang dipanggil Majlis Perundangan Negara. MITI ada duduk dalam jawatankuasa itu tidak? Cuba *check* apa nama jawatankuasa itu. Ini kerana ia dibincangkan di dalam majlis tersebut.

Tuan Wong Chen: *Chairman, I think first let us establish a proper timeline* yang kita tahu itu ialah dalam dokumen yang kita ada di sini ialah isu tentang *flying car* ini ditimbulkan pada Februari 2019. Encik Iskandar beri testimoni tadi, kata Januari 2019 *you start considering the matter*. *Unless we have something to show that the Minister of Entrepreneur Development talked about this flying car issue before January*. *He raised the matter last year*.

Tuan Pengerusi: *Here, di-discuss benda ini last year* dan kemudian dalam majlis, *that* majlis. *Then* lepas itu, kami bertanya sama ada ia dibincangkan di dalam Kabinet, *he said no*. Oleh sebab itu, kita nasihatkan supaya bincang di kementerian. *Okay, fine*.

Cuma saya hendak tahu bila MITI tahu mengenai perkara ini, betul dia tidak ada dapat *feedback* daripada mereka *but to me or to us, it is very important*. Ini kerana *when it comes to car*

you ada NAP, NAP *is under you*. Lepas itu you ada MiGHT. MiGHT *still* ada atau tidak ada? Sudah masih MARii? MARii pun *is under you*. Jadinya kalau kita orang biasa, kita melihat sepatutnya you ambil *the bigger role* sebab ia di-*discuss* dan dibuat di negara lain, *I mean for example, Singapore. You mentioned that it is being discussed in Singapore* and then mereka pun tidak silap saya *the first trial* pun akan keluar *at the end of this year*. Maknanya benda ini boleh terjadi.

